

Sikap Bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah

Mohd Khadir Abd. Wahab

mohdkhadir@usm.my

Universiti Sains Malaysia

Ilangko Subramaniam

ilangko@usm.my

Universiti Sains Malaysia

Ku Boon Dar

kubd@usm.my

Universiti Sains Malaysia

Lee Pin Ling

leepl@usm.my

Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pengantar dalam bidang pendidikan di sekolah vernakular seperti di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil atau SJK (T) adalah hasrat yang masih terus diusahakan bagi memberi kesedaran betapa pentingnya bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara Malaysia untuk digunakan dalam pelbagai domain khususnya dalam domain pendidikan. Persepsi yang positif mahupun negatif mendorong individu atau komuniti untuk memilih atau tidak sesuatu bahasa tersebut untuk digunakan atau diabaikan. Kajian ini bertujuan meninjau sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJK (T) di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Sikap bahasa ini merangkumi minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, persepsi murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, sikap murid terhadap penggunaan bahasa Melayu, sikap murid terhadap pengaplikasian bahasa Melayu dalam urusan selain akademik dan sikap murid terhadap peranan bahasa Melayu. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Seramai 238 orang responden murid telah dipilih secara rawak untuk terlibat dalam kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar di SJK (T) di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah mengakui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang mempunyai kepentingan untuk masa hadapan mereka dan mereka menunjukkan minat terhadap Bahasa Melayu dalam konteks penggunaan dalam domain pendidikan khususnya di sekolah. Di samping itu, para pelajar juga mengakui mereka berbangga ketika bertutur dalam bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, bahasa Melayu masih bukan menjadi pilihan utama dalam konteks interaksi mereka dalam domain sosial dan keluarga.

Kata Kunci: Sosiolinguistik; sikap bahasa; penggunaan bahasa; bahasa Melayu; Sekolah jenis Kebangsaan Tamil

The Language Attitude Towards the Malay Language Among the National Type School Students in Perak, Penang, and Kedah

ABSTRACT

Malay language as the language of knowledge and medium of instruction in the field of education, particularly in vernacular schools such as Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK (T)), remains a national aspiration. This ongoing effort aims to raise awareness of the importance of Malay as the official language of Malaysia to be used across various domains, especially in education. Both positive and negative perceptions influence individuals or communities in their decision to adopt or disregard a particular language. This study aims to explore language attitudes towards the Malay language among students in SJK (T) schools located in the states of Perak, Penang, and Kedah. The scope of language attitude in this study encompasses students' interest in the Malay language subject, their perceptions of the subject, their attitude towards using Malay, their views on applying Malay in non-academic affairs, and their appreciation of its role in society. This survey-based study employed questionnaires to gather data. A total of 238 student respondents were randomly selected to participate in the research. The findings indicate that students in SJK (T) schools across Perak, Penang, and Kedah acknowledge the importance of Malay for their future and demonstrate a genuine interest in learning and using Malay within the educational context, particularly in school. Furthermore, many students expressed pride in speaking the Malay language. However, Malay is still not their primary choice of language for interaction in social and family domains.

Keywords: Sociolinguistics; language attitude; the use of language; Malay language; Tamil National Type School

PENGENALAN

Selepas kemerdekaan Malaysia, kedudukan bahasa Melayu telah diperuntukkan secara jelas dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sebagai bahasa kebangsaan, sekaligus memperkuat fungsinya dalam pelbagai aspek kenegaraan, termasuk sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan melalui pelaksanaan Akta Pendidikan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Penegasan ini bukan sekadar bersifat simbolik, sebaliknya mencerminkan iltizam negara untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai wahana ilmu dan pembangunan intelektual negara. Menurut Noor Rohana dan Ibrahim (2014:11), taraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tidak seharusnya diragui, berdasarkan tiga sandaran utama: pertama, kekayaan dan keluasan perbendaharaan katanya yang membolehkan pengungkapan konsep-konsep abstrak dan kompleks; kedua, keutuhan sistem tatabahasa yang mantap dan tersusun; dan ketiga, nilai keintelektualannya yang tinggi serta keupayaannya menyampaikan pemikiran secara berkesan dan berasas.

Namun begitu, pengiktirafan perundangan dan struktur dasar ini tidak menjamin kejayaan sebenar jika tidak didokong oleh keyakinan masyarakat terhadap keupayaan bahasa Melayu itu sendiri. Dalam hal ini, Teo (2013) menegaskan bahawa masih wujud persepsi negatif terhadap bahasa Melayu, bukan sahaja dalam kalangan bukan Melayu, bahkan turut melibatkan masyarakat Melayu sendiri. Sikap ragu-ragu dan ketidakyakinan terhadap potensi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah mewujudkan jurang antara dasar dan realiti pelaksanaan. Kesan daripada persepsi ini menyebabkan usaha memartabatkan bahasa Melayu

sering mengalami turun naik, tanpa mencapai momentum konsisten yang diperlukan untuk menjadikan bahasa ini benar-benar berfungsi sebagai wahana ilmu yang unggul. Maka, pemartabatan bahasa Melayu bukan semata-mata isu dasar atau struktur, tetapi menuntut perubahan sikap, keyakinan kolektif, dan komitmen semua lapisan masyarakat untuk mengangkatnya sebagai bahasa ilmu yang berwibawa dan lestari dalam arus globalisasi ilmu masa kini.

Sikap Bahasa

Sikap bahasa merupakan salah satu konsep teras dalam sosiolinguistik terapan yang merujuk kepada reaksi, pandangan dan penilaian individu terhadap sesuatu bahasa dalam konteks sosial tertentu (Holmes, 2008:406). Dalam kerangka ini, sikap terhadap sesuatu bahasa boleh menjadi cerminan kepada status, prestij dan fungsi sosial yang dikaitkan dengan bahasa tersebut dalam sesebuah masyarakat. Menurut Ammar Asyraf dan Sa'adiah (2020:2), penggunaan sesuatu bahasa oleh individu turut menandakan persepsi positif mereka terhadap kepentingan dan kegunaan bahasa berkenaan. Kridalaksana (2001:197) pula mendefinisikan sikap bahasa sebagai posisi mental atau perasaan seseorang terhadap bahasa sendiri mahupun bahasa lain. Trudgill (2003) menambah bahawa sikap bahasa melibatkan kecenderungan tingkah laku individu terhadap bahasa, dialek dan penuturnya, dan sering dipengaruhi oleh faktor sosial serta politik yang mendasari penggunaan bahasa dalam sesuatu komuniti. Oleh itu, pemilihan bahasa tertentu dalam domain-domain sosial seperti pendidikan, keluarga, dan rakan sebaya adalah refleksi kepada nilai simbolik dan instrumental yang disandarkan terhadap bahasa tersebut.

Dalam konteks kajian ini, tumpuan diberikan kepada bagaimana murid-murid SJKT menanggapi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam bilik darjah, serta sebagai alat komunikasi dalam pelbagai domain lain seperti sosial dan institusi. Dapatkan kajian akan memberi gambaran tentang tahap penerimaan dan keyakinan murid terhadap bahasa Melayu, termasuk sejauh mana mereka mengaitkan penggunaan bahasa Melayu dengan kemajuan akademik, jati diri nasional dan fungsi interaksi sosial harian. Penilaian terhadap sikap bahasa ini penting kerana ia berperanan sebagai indikator kepada tahap keberkesanannya dasar bahasa negara dan pemerkasaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam masyarakat pelbagai etnik.

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

Pendidikan rendah di Malaysia secara umumnya terbahagi kepada tiga aliran utama, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). SJKT merupakan produk sistem pendidikan vernakular yang diperkenalkan oleh pentadbiran kolonial British, yang pada waktu itu memperuntukkan sistem pendidikan berasingan mengikut etnik, sejajar dengan dasar pecah dan perintah (divide and rule). Kewujudan SJKT berpunca daripada gelombang penghijrahan masyarakat Tamil dari India ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh di ladang-ladang kolonial seperti kopi, teh dan getah. Oleh itu, penubuhan sekolah Tamil lazimnya tertumpu di kawasan estet, bertujuan memberi pendidikan asas kepada anak-anak buruh ladang. Pada peringkat awal, sukatan pelajaran SJKT diimport sepenuhnya dari India, mencerminkan pengaruh kuat budaya asal yang dibawa oleh komuniti tersebut (Raman, Arumugam & Veloo, 2013).

Namun, dari perspektif pascakolonial, cabaran utama yang dihadapi SJKT adalah dari dalam komuniti itu sendiri, iaitu kurangnya sokongan padu daripada masyarakat India terhadap institusi pendidikan vernakular ini menyebabkan kewujudan sekolah Tamil sering terpinggir. Menyedari kelemahan ini, pihak British pada ketika itu mengambil inisiatif memperbaiki kualiti pendidikan SJKT melalui latihan perguruan dan penggubalan kurikulum tempatan yang

lebih sesuai dengan konteks Tanah Melayu. Transformasi ini mencapai kemuncaknya melalui pelaksanaan *Penyata Razak 1956*, yang menjadi asas kepada sistem pendidikan kebangsaan moden. Melalui laporan tersebut, sekolah vernakular Tamil distruktur semula menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), dan sukanan pelajaran berasaskan India dimansuhkan. Sebaliknya, kurikulum pendidikan rendah yang lebih seragam diguna pakai, termasuklah pewajiban pengajaran Bahasa Melayu sebagai subjek teras sebagai satu langkah penting ke arah integrasi nasional dan penyerapan nilai kenegaraan dalam kalangan pelajar bukan Melayu (Raman, Arumugam & Veloo, 2013).

Meskipun usaha kerajaan ke arah standardisasi dan integrasi pendidikan telah berjalan sekian lama, cabaran berterusan masih membenggu SJKT. Berdasarkan laporan *Sinar Harian* (11 September 2022), terdapat 527 buah SJKT di Malaysia, namun sebanyak 367 daripadanya atau kira-kira 70% diklasifikasikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM), iaitu sekolah yang mempunyai kurang daripada 150 murid. Fenomena ini bukan sahaja mencerminkan masalah demografi dan migrasi penduduk, tetapi juga menimbulkan persoalan besar tentang keberdaya-saingan jangka panjang SJKT dalam sistem pendidikan arus perdana.

Pernyataan Masalah Kajian

Secara umumnya, isu sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia merupakan topik yang sering menjadi perbahasan dalam bidang sosiolinguistik dan perancangan bahasa. Sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu bukan sahaja berperanan sebagai alat komunikasi antara kaum, tetapi juga merupakan simbol perpaduan, identiti nasional dan instrumen pemindahan ilmu. Walau bagaimanapun, tahap penerimaan dan sikap terhadap bahasa Melayu dalam kalangan etnik bukan Melayu, termasuk masyarakat India di sekolah vernakular Tamil, sering kali dilihat masih bersifat utilitarian dan belum sepenuhnya bersandarkan kepada nilai keintelektualan, kebanggaan, atau kesetiaan bahasa.

Menurut Hoh Sook Kuan (2011:10), sikap seseorang terhadap bahasa dipengaruhi oleh tiga unsur utama, iaitu kesetiaan, kebanggaan dan kesedaran bahasa. Kesetiaan bahasa mendorong penutur mempertahankan dan memartabatkan bahasanya; kebanggaan bahasa memacu usaha pengembangan bahasa sebagai simbol identiti dan jati diri; manakala kesedaran bahasa mencerminkan keprihatinan terhadap penggunaan bahasa secara cermat dan santun. Namun, berdasarkan dapatan Teo (2015), masih wujud segelintir masyarakat bukan Melayu yang melihat bahasa Melayu sekadar alat komunikasi asas antara kaum, tanpa mengambil kira aspek penguasaan atau ketepatan penggunaan. Pandangan ini mencerminkan sikap yang longgar terhadap nilai sebenar bahasa Melayu dalam sistem sosial dan pendidikan negara.

Kesan daripada sikap sedemikian dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (2010), yang mendapati 609 daripada 13,925 pelatih PLKN tidak mampu berbahasa Melayu. Tinjauan rambang oleh Teo Kok Seong (2011) juga menunjukkan 28 daripada 107 belia yang ditemu bual tidak boleh bertutur atau memahami bahasa Melayu langsung. Hal ini amat membimbangkan memandangkan kecekapan dalam bahasa Melayu bukan sahaja penting bagi kelangsungan komunikasi antara etnik, malah menjadi prasyarat kejayaan dalam sistem pendidikan nasional, kelayakan pekerjaan dalam sektor awam, serta keupayaan pelajar untuk menyertai dan menyumbang dalam wacana kebangsaan.

Dalam konteks ini, murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) khususnya di negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak, perlu menyedari keperluan mendesak untuk menguasai dan menghargai bahasa Melayu. Sebagai bahasa pengantar dalam kebanyakan mata pelajaran dan instrumen penilaian awam seperti Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), penguasaan

bahasa Melayu menjadi penentu kejayaan akademik mereka. Di samping itu, kecekapan berbahasa Melayu turut menjadi aset sosial dan ekonomi dalam jangka masa panjang kerana ia membuka ruang akses kepada pendidikan menengah kebangsaan, institusi pengajian tinggi, dan pasaran pekerjaan yang dominan menggunakan bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau sikap murid SJKT terhadap bahasa Melayu, termasuk sejauh mana mereka berminat, yakin, dan selesa menggunakan bahasa tersebut dalam konteks akademik dan sosial. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan gambaran empirikal yang penting kepada pembuat dasar, pendidik, dan komuniti sekolah dalam merangka intervensi yang lebih berkesan bagi memupuk sikap positif terhadap bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda pelbagai kaum.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

SOROTAN KAJIAN

Dalam usaha meninjau sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah, pengkaji meneliti beberapa kajian terdahulu yang relevan bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap sikap bahasa dalam kalangan pelajar pelbagai latar.

Kajian Mohd Khairil Abdul Wahab (2024) meninjau pilihan bahasa dalam kalangan pelajar antarabangsa dari China di Universiti Sains Malaysia. Walaupun bukan penutur jati, dapatan menunjukkan bahasa Melayu tetap menjadi medium penting dalam submandala pendidikan seperti pembentangan dan perbincangan tugas. Kajian ini memberi petunjuk bahawa dengan pendedahan sistematis dan persekitaran pembelajaran yang inklusif, sikap bahasa yang positif terhadap bahasa Melayu mampu dibentuk, termasuk dalam kalangan pelajar asing.

Sementara itu, Deeneswary A/P Shamugam dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) meneliti sikap dan motivasi murid India di SJKT pedalaman terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dapatan kuantitatif dari dua sekolah di Kuala Lipis menunjukkan tahap sikap dan motivasi yang tinggi, sekali gus mencerminkan penerimaan murid terhadap peranan bahasa Melayu dalam pendidikan formal. Penemuan ini mencadangkan agar guru mengadaptasi pendekatan pengajaran yang lebih bersifat mesra murid dan kreatif.

Dalam konteks luar negara, Ammar Asyraf dan Sa'adiah (2020) meneliti pelajar Melayu di Singapura dan mendapati bahawa walaupun tahap penguasaan bahasa Melayu menurun, sikap positif terhadap bahasa tersebut masih kekal utuh sebagai lambang identiti etnik. Ini menunjukkan bahawa sikap bahasa tidak semata-mata bergantung pada tahap penguasaan, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor budaya dan sosial.

Zamri et al. (2020) pula meneliti tahap jati diri bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kajian ini menonjolkan bahawa kaum Melayu mencatatkan jati diri bahasa yang lebih tinggi berbanding kaum lain. Namun, pengaruh bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan dalam komunikasi harian dilihat melemahkan tahap jati diri bahasa Melayu dalam kalangan bukan Melayu. Hal ini penting bagi memahami cabaran yang turut dihadapi oleh murid SJKT yang berada dalam persekitaran multibahasa.

Kajian Chew Fong Peng (2018) terhadap pelajar dua universiti utama di Beijing pula menunjukkan bahawa faktor motivasi instrumental – seperti peluang pekerjaan dan pemahaman budaya – memainkan peranan utama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar menunjukkan sikap positif dan mengaitkan pembelajaran bahasa dengan peningkatan

kefahaman terhadap masyarakat Melayu. Kajian ini menegaskan kepentingan kaedah pembelajaran kontekstual dan autentik dalam memupuk sikap bahasa yang positif. Dalam konteks paling hampir dengan fokus kajian ini, Saraswathy Pormalu et al. (2017) menjalankan kajian secara khusus di SJKT Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini menilai sikap bahasa murid dari segi kognitif, afektif dan konatif, dan menunjukkan murid sedar tentang kepentingan bahasa Melayu serta menunjukkan sikap positif terhadapnya. Walau bagaimanapun, kelemahan penguasaan masih ketara dalam kalangan murid berprestasi rendah, terutamanya yang ditempatkan dalam kelas akhir, membuktikan cabaran sebenar dalam pelaksanaan sistem pengelasan akademik (streaming) di SJKT.

Kajian ini perlu dijalankan kerana masih terdapat kekurangan data empirikal yang menyeluruh mengenai sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), khususnya di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, tahap penerimaan dan sikap murid bukan Melayu terhadap bahasa ini boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti latar belakang sosioekonomi, penggunaan bahasa di rumah, pendekatan pengajaran, serta persekitaran sosial yang bersifat multibahasa. Dengan menjalankan kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti pola sikap yang wujud, cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa Melayu, serta merumuskan cadangan yang bersesuaian untuk meningkatkan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKT. Kajian ini juga penting dalam usaha memperkuuh peranan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan dan simbol identiti nasional.

METODOLOGI

Berdasarkan objektif kajian, pendekatan kuantitatif dilaksanakan demi mencapai objektif kajian ini untuk meninjau sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

Kajian lapangan

Kajian lapangan merujuk kepada kajian yang dijalankan di suatu tempat yang tertentu untuk mendapatkan data dan bahan yang asli serta boleh dipercayai daripada responden tersebut. Dalam kajian ini, kajian lapangan adalah di sekolah-sekolah yang dipilih oleh pengkaji.

Kawasan kajian

Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang terletak di negeri Perak, Pulau Pinang, dan Kedah telah dipilih sebagai kawasan kajian. Sebanyak 4 buah sekolah dipilih dari setiap negeri tersebut.

Responden

Para responden yang dipilih untuk mencapai objektif kajian ini adalah pelajar Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Seramai 238 orang responden telah terlibat dalam kajian tinjauan ini yang dipilih secara rawak dari setiap sekolah di negeri-negeri tersebut. Responden kajian terdiri daripada berbangsa India dan bahasa ibundanya ialah bahasa Tamil.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik dalam kajian ini dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian serta disokong oleh sorotan literatur yang relevan dalam bidang pendidikan bahasa. Kandungan instrumen dirangka untuk menilai sikap bahasa murid Tahun 5 di SJKT di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah, merangkumi lima konstruk utama iaitu minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu, persepsi terhadap subjek tersebut, sikap terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian, pengaplikasiannya dalam urusan bukan akademik, serta sikap terhadap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan identiti nasional. Item-item disusun berasaskan Skala Likert lima mata yang sesuai untuk mengukur sikap secara kuantitatif (Likert, 1932; Ary, Jacobs & Sorensen, 2010). Penilaian kandungan dilakukan oleh dua pakar bidang bagi menjamin validiti kandungan, selaras dengan saranan Fraenkel dan Wallen (2009) bahawa pengesahan pakar adalah penting dalam memastikan kesesuaian konstruk yang diukur. Seterusnya, kajian rintis melibatkan 30 orang murid Tahun 5 dari sebuah SJKT yang tidak termasuk dalam sampel utama telah dijalankan, dan analisis menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach's Alpha ialah 0.89, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Nunally & Bernstein, 1994). Justeru, instrumen ini memenuhi ciri-ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang diperlukan dalam penyelidikan pendidikan, serta dibangunkan dengan pendekatan yang teliti dan berwibawa bagi menghasilkan dapatan yang sah dan boleh digeneralisasikan.

Penganalisaan Data

Data soal selidik untuk fasa ini dianalisis dengan menggunakan *Program Statistical Package for The Social Science versi 26*. Proses penganalisaan melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan skor min, sisihan piawai, peratus dan frekuensi. Penggunaan kaedah ini adalah untuk menjawab soalan kajian. Selain itu, untuk tujuan menganalisis tahap pandangan pelajar terhadap setiap item, jadual 1 di bawah memaparkan tahap pengukuran yang digunakan hasil pengubahaui Zulkifli Awang (2012).

JADUAL 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
1.00 hingga 2.49	Rendah dan Tidak memuaskan atau Tidak Perlu
2.50 hingga 3.79	Sederhana dan Agak Memuaskan atau Agak Perlu
3.80 hingga 5.00	Tinggi dan Sangat Memuaskan atau Sangat Perlu

Dapatan Sikap Bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah

Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Jadual 2 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden kajian berkaitan minat mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Secara keseluruhan, didapati bahawa tahap minat murid adalah tinggi dan sangat memuaskan, berdasarkan skor min keseluruhan iaitu 4.35 dan sisihan piawai 0.85. Item pertama, "Aktiviti semasa belajar Bahasa Melayu sangat menarik," mendapat skor min 4.52 (SP = 0.7), manakala item "banyak aktiviti diberikan oleh guru semasa mengajar Bahasa Melayu" pula memperoleh skor min 3.90 (SP = 1.1), menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting dalam merangsang minat pelajar.

Item ketiga, “Guru menggalakkan saya bertutur dalam Bahasa Melayu,” memperoleh skor tertinggi iaitu min 4.57 (SP = 0.8), diikuti dengan item keempat berkaitan peningkatan penguasaan melalui pembelajaran, dengan min 4.03 (SP = 1.05). Dapatkan ini disokong oleh kajian Deeneswary dan Nurfaradilla (2021) yang menunjukkan bahawa murid SJKT memiliki minat yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu apabila pendekatan pengajaran guru bersifat aktif dan mesra murid. Kajian oleh Saraswathy Pormalu et al. (2017) turut mendapati bahawa minat pelajar dipengaruhi oleh aspek konatif dan afektif, khususnya apabila mereka didedahkan kepada aktiviti pembelajaran yang pelbagai dan interaktif. Justeru, rumusan kajian ini menunjukkan bahawa minat murid SJKT terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, usaha pemupukan minat perlu diteruskan melalui strategi pengajaran yang inovatif agar pelajar bukan sahaja berminat, malah lebih berupaya menguasai dan menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dalam kehidupan seharian.

JADUAL 2. Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Aktiviti semasa belajar Bahasa Melayu sangat menarik	4.52	0.7
2	Banyak aktiviti diberikan oleh guru semasa mengajar Bahasa Melayu	3.90	1.1
3	Guru menggalakkan saya bertutur dalam Bahasa Melayu	4.57	0.8
4	Pelajaran Bahasa Melayu di sekolah telah meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu saya.	4.40	0.8
Keseluruhan		4.35	0.85

Persepsi Murid Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Jadual 3 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden terhadap persepsi mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, dapatkan menunjukkan tahap persepsi yang tinggi dan sangat memuaskan, dengan skor min keseluruhan 4.38 dan sisihan piawai 0.73. Item “Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu” memperoleh skor min 4.48 (SP = 0.7), manakala “Saya berminat untuk belajar Bahasa Melayu” memperoleh skor min 4.46 (SP = 0.6), menunjukkan bahawa murid di SJKT memberikan respon yang sangat positif terhadap subjek ini. Item “Bahasa Melayu adalah mudah untuk dipelajari” pula memperoleh skor min 3.96 (SP = 0.9), dan item berkaitan kaedah pengajaran guru yang menarik memperoleh skor tertinggi iaitu min 4.61 (SP = 0.7). Dapatkan ini menunjukkan bahawa persepsi positif murid terhadap Bahasa Melayu sangat dipengaruhi oleh pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan strategi pengajaran yang berkesan. Kajian oleh Saraswathy Pormalu et al. (2017) selari dengan dapatan kajian ini, iaitu dapatan mereka mendapati bahawa persepsi positif murid terhadap bahasa Melayu dipengaruhi oleh pendekatan guru dan keberkesanan penyampaian. Selain itu, kajian oleh Ibrahim et al. (2020) menunjukkan bahawa persepsi yang tinggi terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu berkait rapat dengan motivasi dalaman murid untuk menguasai bahasa tersebut. Persepsi positif ini penting kerana ia bukan sahaja mencerminkan kesediaan murid untuk belajar, tetapi turut mendorong mereka untuk menggunakan bahasa Melayu secara lebih meluas dalam pelbagai domain komunikasi. Maka, dapatan ini menegaskan bahawa memperkuuh persepsi murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu harus menjadi antara keutamaan dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid bukan Melayu.

JADUAL 3. Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya suka mata pelajaran Bahasa Melayu	4.48	0.7
2	Saya berminat untuk belajar Bahasa Melayu	4.46	0.6
3	Bahasa Melayu adalah mudah untuk dipelajari	3.96	0.9
4	Mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajarkan oleh guru menarik dan berkesan	4.61	0.7
Keseluruhan		4.38	0.73

Sikap Murid terhadap Penggunaan Bahasa Melayu

Jadual 4 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden berkaitan sikap mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu. Secara keseluruhan, dapatkan menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan, dengan skor min keseluruhan 4.11 dan sisihan piawai 0.92. Item “Saya sentiasa menggunakan Bahasa Melayu yang dipelajari di sekolah di tempat lain” mendapat skor min 3.81 (SP = 1.2), manakala “Saya akan terus belajar Bahasa Melayu setelah tamat belajar di sekolah” memperoleh skor min 4.58 (SP = 0.8), menunjukkan kesediaan murid untuk terus mengembangkan kemahiran dalam bahasa Melayu. Begitu juga dengan item-item berkaitan kemahiran asas seperti bertutur (min = 4.19), menulis (min = 4.49) dan membaca (min = 4.63), yang mencerminkan penguasaan yang memuaskan hasil pembelajaran formal di sekolah. Namun, item “Saya bertutur menggunakan Bahasa Melayu di rumah” mencatatkan skor terendah iaitu 2.93 (SP = 1.3), menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam domain keluarga masih rendah dalam kalangan murid SJKT. Dapatkan ini selari dengan kajian oleh David dan Naji (2000) yang menunjukkan bahawa bahasa ibunda, seperti Tamil, masih dominan dalam domain kekeluargaan dalam kalangan komuniti bukan Melayu, manakala bahasa Melayu lebih banyak digunakan dalam domain rasmi seperti pendidikan dan sosial. Kajian oleh Pillai, Soh dan Kajita (2014) juga menyatakan bahawa murid bukan Melayu di sekolah vernakular cenderung menggunakan bahasa Melayu dalam konteks interaksi sekolah dan awam, tetapi mengekalkan bahasa ibunda dalam interaksi di rumah kerana faktor budaya dan identiti. Oleh itu, meskipun sikap terhadap penggunaan bahasa Melayu secara umum adalah positif, tahap penggunaan dalam domain keluarga masih sederhana, dan memerlukan pendekatan yang lebih inklusif untuk memperkuuh fungsi bahasa Melayu merentas domain secara beransur-ansur.

JADUAL 4. Penggunaan Bahasa Melayu

Bil	Item	Min	Sisihan Piawaian
1	Saya sentiasa menggunakan Bahasa Melayu yang dipelajari di sekolah di tempat lain	3.81	1.2
2	Saya akan terus belajar Bahasa Melayu setelah tamat belajar di sekolah	4.58	0.8
3	Saya dapat bertutur dalam Bahasa Melayu	4.19	0.8
4	Saya dapat menulis dalam Bahasa Melayu	4.49	0.7
5	Saya dapat membaca dalam Bahasa Melayu	4.63	0.7
6	Saya bertutur menggunakan Bahasa Melayu di rumah	2.93	1.3
Keseluruhan		4.11	0.92

Sikap Murid Terhadap Pengaplikasian Bahasa Melayu dalam Urusan Selain Akademik

Jadual 5 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden berkaitan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan selain akademik. Secara keseluruhannya, skor min keseluruhan adalah 3.76 dengan sisihan piawai 1.1, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi namun dengan kepelbagaiannya respons yang agak ketara. Item “Saya membaca bahan bacaan seperti buku cerita yang ditulis dalam Bahasa Melayu” mendapat skor min 4.09 (SP = 1.0), menandakan sikap yang positif terhadap pembacaan bahan bukan akademik dalam bahasa Melayu. Item “Saya menonton program televisyen dalam Bahasa Melayu” pula mencatatkan skor min 3.60 (SP = 1.2), manakala “Saya menggunakan Bahasa Melayu semasa bertutur dengan rakan saya” memperoleh skor min 3.30 (SP = 1.0), kedua-duanya menunjukkan tahap persetujuan dan interpretasi yang sederhana. Item “Saya menggunakan Bahasa Melayu semasa berurus di tempat lain” memperoleh skor min 4.06 (SP = 1.2), menandakan bahawa bahasa Melayu tetap digunakan dalam situasi sosial tertentu di luar persekitaran sekolah. Dapatkan ini mencerminkan bahawa walaupun pelajar SJKT menunjukkan kesediaan menggunakan bahasa Melayu dalam konteks tertentu seperti pembacaan dan urusan awam, penggunaan bahasa ini masih bersifat terhad dalam interaksi sosial harian seperti berbual dengan rakan sebaya, terutamanya apabila melibatkan rakan berbangsa India. Fenomena ini disokong oleh dapatan kajian oleh David dan Naji (2000) yang menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan komuniti bukan Melayu lebih terikat kepada domain rasmi dan akademik, manakala bahasa ibunda terus menjadi pilihan utama dalam domain bukan formal termasuk hiburan dan interaksi rakan sebaya. Oleh itu, meskipun pengaplikasian bahasa Melayu dalam urusan bukan akademik menunjukkan trend yang positif, usaha penggalakan penggunaan bahasa ini secara lebih meluas dalam pelbagai konteks sosial perlu diperhebat untuk memperkuuh fungsinya sebagai bahasa perpaduan nasional.

JADUAL 5. Pengaplikasian Bahasa Melayu Dalam Urusan Selain Akademik

Bil	Item	Min	Sisihan Piawaian
1	Saya membaca majalah yang ditulis dalam Bahasa Melayu	4.09	1.0
2	Saya menonton program televisyen dalam Bahasa Melayu	3.60	1.2
3	Saya menggunakan Bahasa Melayu semasa bertutur dengan rakan saya di rumah	3.30	1.0
4	Saya menggunakan Bahasa Melayu semasa berurusani di tempat lain	4.06	1.2
Keseluruhan		3.76	1.1

Sikap Murid terhadap Peranan Bahasa Melayu

Jadual 6 membincangkan analisis data terhadap tahap persetujuan dan interpretasi responden berhubung sikap mereka terhadap peranan bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, dapatkan menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan sangat memuaskan dengan skor min keseluruhan 4.20 dan sisihan piawai 0.8. Item “Bahasa Melayu merupakan pilihan utama saya semasa bertutur dengan orang lain” mencatat skor paling rendah iaitu 2.92 (SP = 1.1), menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih belum menjadi bahasa dominan dalam komunikasi harian murid di luar bilik darjah, khususnya dalam domain sosial dan keluarga. Walau bagaimanapun, item-item lain seperti “Bahasa Melayu penting untuk masa depan saya” (min = 4.68), “Sebagai rakyat Malaysia, saya perlu menguasai Bahasa Melayu” (min = 4.69) dan “Saya berasa bangga dapat bertutur dalam bahasa Melayu” (min = 4.50) menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap fungsi instrumental dan simbolik bahasa Melayu dalam kehidupan mereka. Dapatkan ini selari dengan kajian Deeneswary dan Nurfaradilla (2021) yang menunjukkan murid SJKT mempunyai tahap sikap dan motivasi yang tinggi terhadap bahasa Melayu dalam konteks pendidikan formal. Kajian Saraswathy Pormalu et al. (2017) juga mendapati bahawa murid sedar akan kepentingan bahasa Melayu, namun penggunaan praktikalnya masih terbatas dalam kalangan murid yang berada dalam kelas berprestasi rendah. Dalam konteks peranan bahasa Melayu sebagai identiti nasional, Zamri et al. (2020) menyatakan bahawa walaupun jati diri bahasa Melayu diakui oleh pelbagai kaum, penggunaannya masih terhad akibat dominasi bahasa ibunda dan pengaruh bahasa Inggeris. Oleh itu, meskipun sikap kognitif dan afektif terhadap peranan bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKT di Perak, Pulau Pinang dan Kedah adalah sangat positif, penggunaan bahasa ini dalam domain sosial dan kekeluargaan masih memerlukan pemupukan berterusan bagi memastikan peranan bahasa Melayu benar-benar diterjemahkan dalam amalan harian.

JADUAL 7. Peranan Bahasa Melayu

Bil	Item	Min	Sisihan Piawaian
1	Bahasa Melayu merupakan pilihan utama saya semasa bertutur dengan orang lain.	2.92	1.1
2	Bahasa Melayu penting untuk masa depan saya	4.68	0.7
3	Sebagai rakyat Malaysia, saya perlu menguasai Bahasa Melayu	4.69	0.7
4	Saya berasa bangga dapat bertutur dalam Bahasa Melayu	4.50	0.7
Keseluruhan		4.20	0.8

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid di sekolah kebangsaan mahupun di sekolah vernakular adalah sangat penting. Sikap terhadap bahasa Melayu yang positif mencerminkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam negara. Dalam konteks kajian ini, walaupun, pelajar SJKT mempunyai bahasa ibunda mereka yang tersendiri, namun, kajian ini membuktikan bahawa murid-murid SJKT di negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah mempunyai semangat kecintaan dan penghayatan yang tinggi terhadap bahasa Melayu khususnya dalam domain pendidikan. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan untuk memantapkan lagi jati diri dalam domain Bahasa akan khususnya di SJKT wajar dilaksanakan. Penyatuan Kembali semangat kecintaan terhadap Bahasa Melayu dalam konteks Bahasa akan harus dimantapkan jika mahukan Bahasa Melayu kekal sebagai bahasa ilmu tinggi di peringkat persekolahan mahupun peringkat pengajaran tinggi.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan hasil daripada geran yang dianugerahkan oleh USM, iaitu Geran RUI (1001/PBAHASA/8016117) berjumlah RM38,000 bagi tempoh 36 bulan yang bermula pada 1 Oktober 2021 hingga 30 September 2024.

RUJUKAN

- Abu Bakar, A. (2012). Sikap positif terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan murid bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 1–10.
- Ammar Asyraf Mansor, & Sa'adiah Ma'alip. (2020). Sikap bahasa terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Singapura. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1–17.
- Ammar Asyraf, M. N., & Sa'adiah, K. (2020). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu di Singapura. *Jurnal Pengajian Melayu*, 31(1), 1–17.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to research in education* (8th ed.). Wadsworth.
- Chew, F. P. (2018). Motivasi dan sikap bahasa terhadap bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti di Beijing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1–11.
- Chew, F. P. (2018). Sikap bahasa Melayu dalam kalangan siswa/i China. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 1–11.

INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities
Volume 8 (1), April 2025

- David, M. K., & Naji, I. (2000). Do minorities have to abandon their languages in order to progress? A study of language shift in the Sindhi and Tamil communities in Malaysia. *The International Journal of the Sociology of Language*, 143, 1–17.
- Deeneswary A/P Shamugam, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Sikap dan motivasi murid India sekolah rendah pedalaman Tamil dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 331–341. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/13558>
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2009). *How to design and evaluate research in education* (7th ed.). McGraw-Hill.
- Harimurti Kridalaksana. (2001). *Kamus linguistik*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Hoh, S. K. (2011). *Sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina di Malaysia* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics* (3rd ed.). Pearson Education Schweiz: Longman.
- Ibrahim, A. B., Mohd Noor, N. F., & Mamat, N. (2020). Hubungan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru dan minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 45–55.
- Likert, R. (1932). A technique for the measurement of attitudes. *Archives of Psychology*, 22(140), 1–55.
- Loganathan, R., Thirusanku, J., & Melor Md Yunus. (2020). Language use and language attitudes among Tamil school pupils in Malaysia. *Journal of Language and Communication*, 7(1), 44–52.
- Mahamod, Z., Yusoff, N. M. R. N., Othman, S., Lambri, A., & Hassan, H. (2020). Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 27–36. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/download/217/13>
- Mohd Khairid Abdul Wahab. (2024). Pilihan bahasa pelajar dari negara China dalam mandala pendidikan di Universiti Sains Malaysia. *Akademika*, 94(3), 392–411. <https://doi.org/10.17576/akad-2024-9403-23>
- Normardhiah Ibrahim. (2018). A case on Tamil education in Malaysia: Is Tamil education being sidelined? *SHS Web of Conferences*, 53, 03006. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20185303006>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Omar, H. (2014, November 12). SJK perlu pertingkat program pembelajaran bahasa Melayu. *Berita Harian*.
- Pillai, S., Soh, W. Y., & Kajita, H. (2014). Bilingualism and language maintenance in Malaysia: A case study of a Tamil school. *Language and Education*, 28(1), 64–78.
- Ramachandran, S., Rani, K., & Subramaniam, R. (2022). Cultural inclusivity in promoting Malay language learning among Tamil school pupils. *Malaysian Journal of Education*, 47(2), 45–58.
- Raman, A., & Veloo, A. (2013). Kompetensi lisan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Laporan projek penyelidikan*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Salleh, N. S. M., Hashim, R. A., & Yusoff, N. M. (2019). Language attitude towards Malay language among primary school pupils in Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 12–25.
- Saraswathy Pormalu, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari, & Husna Hidayah Mansor. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 5(1), 45–55.
- Tan, H. A., & Tan, T. L. (2021). Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 450–460.
- Teo, K. S. (2013, November 9–10). Konsep dan cabaran penyatupaduan nasional. *Laporan Prakongres Profesor Negara 11 Gagasan Penyatupaduan Nasional*, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Teo, K. S. (2015, January 29). Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi. *Berita Harian*.
- Teo, K. S. (2015, February 13). Prasangka terhadap bahasa Melayu perlu dihentikan. *Berita Harian*.

INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities
Volume 8 (1), April 2025

- Trudgill, P. (1984). *Sosiolinguistik: Satu pengenalan* (Nik Safiah Karim, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri, M. N., Ghazali, M., & Wan Ahmad, W. I. (2020). Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 35–47.
- Zulkifli Awang. (2012). *Strategi pengajaran mata pelajaran pendidikan jasmani yang berkesan* [Tesis Sarjana, Universiti Malaya].

Biodata Penulis

Mohd Khadir Bin Abd. Wahab (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sejarah bahasa Melayu, Falsafah Bahasa dan Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa Austronesia. Beliau juga sedang membuat PhD kedua dalam bidang Sosiolinguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ilangko Subramaniam (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Pendidikan Bahasa Melayu dan Terjemahan.

Ku Boon Dar (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sejarah China dan Sejarah Asia Tenggara

Lee Pin Ling merupakan Guru Bahasa di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah pengajaran bahasa Cina dan pengajian terjemahan.